



PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH
BAHAGIAN RAWATAN, PERUBATAN DAN PEMULIHAN

BAB D18 :
PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN

AGANSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 1/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

1. PENDAHULUAN

- 1.1 Klien yang telah selesai menjalani program rawatan dan pemulihan dalam Pusat Pemulihan selama dua (2) tahun berdasarkan peruntukan Seksyen (6)(1)(a) atau Seksyen (8)(3)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Perubatan) 1983.
- 1.2 Di bawah Seksyen 12(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, Klien boleh disingkatkan tempoh kediaman di Pusat Pemulihan seseorang Klien itu setelah menjalani tempoh kediaman sekurang-kurangnya dua belas (12) bulan di Pusat Pemulihan tersebut.
- 1.3 Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan, melalui keizinan bertulis Menteri, boleh menyingkatkan tempoh kediaman seseorang Klien Pusat Pemulihan yang belum lagi menjalani tempoh kediaman selama genap dua belas (12) bulan di Pusat Pemulihan itu atas sebab-sebab khas yang berhubungan dengan kebajikan Klien.
- 1.4 Tempoh maksima keberadaan seseorang Klien menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan adalah genap dua puluh empat (24) bulan. Sekiranya mana-mana Klien didapati berada di Pusat Pemulihan melebihi tempoh dua puluh empat (24) bulan ia dikategori sebagai tahanan tidak sah dan Ketua Institusi hendaklah melaksanakan prosedur tindakan pelepasan Klien tersebut.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 2/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

2. TUJUAN

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini adalah untuk memastikan prosedur pengendalian pelepasan Klien Pusat Pemulihan dilaksana mengikut arahan dan selaras berdasarkan Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983.

3. SKOP

Perintah Tetap Ketua Pengarah ini merangkumi tatacara pengendalian pelepasan Klien sepertimana berikut:

- i. Pelaksanaan dan peranan Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien;
- ii. Pelaksanaan Program Pra-Pelepasan;
- iii. Pengendalian Pelepasan Klien Seksyen 12(1) dan Seksyen 12(2);
- iv. Pengendalian semasa hari pelepasan Klien Seksyen 12(1) dan Seksyen 12(2);
- v. Pelepasan Klien Genap Dua Puluh Empat (24) Bulan (2 tahun).

3. TERMINOLOGI

4.1 Pelepasan

Mana-mana Klien yang telah selesai menjalani program rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan selama mana tempoh yang ditetapkan.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 3/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

4.2 Penyingkatan Tempoh Kediaman Di Pusat Pemulihan

Tempoh kediaman di mana-mana Pusat Pemulihan Klien boleh disingkatkan atas sebab-sebab yang didapatinya mencukupi bagi:

- i. Klien yang telah menjalani tempoh kediaman selama genap dua belas (12) bulan di Pusat tersebut bagi Seksyen 12(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983; dan
- ii. Klien yang belum lagi menjalani tempoh kediaman selama genap dua belas (12) bulan di Pusat tersebut bagi Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 atas sebab-sebab khas yang berhubungan dengan kebajikan Klien itu.

4.3 Penyakit Kronik

Penyakit kronik adalah penyakit yang berlarutan sehingga memerlukan rawatan berterusan dan menyebabkan gangguan aktiviti harian dan disahkan oleh Pegawai Perubatan Berdaftar. Merujuk kepada **Surat Keizinan Bertulis Menteri Dalam Negeri Di Bawah Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983**, bertarikh 5 Januari 2000, senarai penyakit kronik yang dimaksudkan adalah sepertimana berikut:

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 4/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

- i. AIDS;
- ii. Tibi;
- iii. Lelah;
- iv. Hepatitis (mana-mana satu klasifikasinya);
- v. Penyakit buah pinggang/ kencing manis;
- vi. Penyakit jantung;
- vii. Penyakit jiwa (psikiatri);
- viii. Penyakit sawan babi;
- ix. Penyakit ketumbuhan otak;
- x. Penyakit leukemia;
- xi. Penyakit kusta;
- xii. Lumpuh.
- xiii. Lain-lain penyakit kronik yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Berdaftar

5. TUJUAN PELEPASAN

5.1 Pelepasan Seksyen 12(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983

Klien telah selesai menjalani rawatan dan pemulihan mengikut prosedur dan syarat yang telah ditetapkan.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 5/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

5.2 Pelepasan Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983

Pelepasan awal dilakukan terhadap Klien yang menepati kriteria yang disenaraikan di penerangan para 4.3 berkaitan tujuan pelepasan.

5.3 Pelepasan genap Dua Puluh Empat (24) bulan (2 tahun)

Klien didapati telah mencapai tempoh maksimum keberadaan di Pusat Pemulihan iaitu melebihi dua (2) tahun, berdasar justifikasi berikut:

- a) Klien dijatuhkan perintah secara serentak di penjara dan perintah menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan; atau
- b) Terdapat kes Klien melarikan diri dari Pusat Pemulihan dan tidak dapat dikesan sehingga tamat perintah genapdua (2) tahun; atau
- c) Berlaku kejadian bencana alam/faktor luar jangka hingga menyukarkan dokumen Klien dijumpai; atau
- d) Klien telah genap keberadaan selama dua (2) tahun di Pusat Pemulihan.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 6/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

6. PROSEDUR PELAKSANAAN

A. Pelaksanaan Dan Peranan Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien

1. Pegawai Pemulihan mengenal pasti Klien yang menepati kriteria untuk pelepasan (mengikut mana-mana kriteria jenis pelepasan yang menepati prosedur yang ditetapkan). Pegawai Pemulihan menyerahkan senarai nama Klien yang dicadangkan beserta dokumen pelepasan yang telah lengkap kepada Ketua Unit Pemulihan untuk semakan sebelum di bawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien yang dipengerusikan oleh Ketua Institusi.
 - 1.1 Ketua Unit Pemulihan hendaklah memastikan semua Pegawai Pemulihan yang terlibat dengan pelepasan Klien menyediakan maklumat berikut:
 - 1.1.1 Menyediakan **Borang Penilaian Prestasi Klien (AADK/D01/BR/20)**.
 - 1.1.2 Menentukan Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah yang akan meneruskan Klien program rawatan dan pemulihan dalam komuniti.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 7/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

1.2 Ketua Unit Pemulihan hendaklah menyelaras Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien yang terdiri dari senarai ahli seperti berikut:

- 1.2.1 Pengerusi : Ketua Institusi
- 1.2.2 Timbalan Pengerusi 1: Penolong Pengarah
(Pemulihan)
- 1.2.3 Timbalan Pengerusi 2: Penolong Pengarah
(Pengurusan dan Keselamatan)
- 1.2.4 Setiausaha : Ketua Unit Pemulihan
- 1.2.5 AJK: Ketua Unit Hal Ehwal Klien
- 1.2.6 AJK : Ketua Unit Agama
- 1.2.7 AJK : Ketua Unit Latihan dan Kemahiran Vokasional
- 1.2.8 AJK : Ketua Unit Perubatan
- 1.2.9 AJK : Pegawai Pemulihan

2. Tugas dan Tanggungjawab Ahli Jawatankuasa (AJK) Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien

- 2.1 Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien sekurang-kurangnya sebulan (1) sekali.
- 2.2 Membuat penilaian prestasi Klien sepanjang tempoh rawatan pemulihan Klien di Pusat Pemulihan.
- 2.3 Memperakukan kesesuaian syor untuk pelepasan.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 8/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

2.4 Menyediakan dokumen pelepasan Klien untuk kelulusan Ketua Pengarah.

3. Tugas dan tanggungjawab Setiausaha Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien

3.1 Menetapkan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien dan mengeluarkan notis mesyuarat setelah berbincang dengan Pengerusi.

3.2 Memastikan dokumen lengkap mengikut senarai cadangan pelepasan Klien untuk dihantar kepada Ketua Pengarah.

3.3 Memaklumkan tarikh pelepasan untuk urusan pelepasan Klien kepada keluarga/waris, Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah dan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri.

3.4 Menjalankan program Pra-Pelepasan kepada Klien yang telah disokong untuk cadangan pelepasan.

3.5 Menyediakan minit mesyuarat yang mengandungi keputusan mesyuarat.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 9/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

B. Pelaksanaan Program Pra-Pelepasan

1. Dilaksanakan oleh Ketua Unit Pemulihan dua (2) minggu sebelum Klien dilepaskan dari Pusat Pemulihan.
2. Program pra-pelepasan akan melibatkan tanggungjawab sepertimana berikut:

2.1 Pusat Pemulihan

- 2.1.1 Mengadakan program transisi Klien dalam masyarakat/lain-lain aktiviti.
- 2.1.2 Menyediakan kesediaan Klien untuk kembali dalam pekerjaan di komuniti.
- 2.1.3 Melaksana sesi/kem/kelas motivasi dan lain-lain berkaitan pencegahan penagihan semula.
- 2.1.4 Setiap unit di Pusat Pemulihan perlu terlibat dalam pelaksanaan sesi Pra-Pelepasan.
- 2.1.5 Melibatkan AADK Daerah dan NGO yang berkaitan dalam sesi Pra-pelepasan

2.2 Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah

- 2.2.1 Memberi taklimat/kelas/sesi bagi menerangkan syarat-syarat perintah pengawasan dan implikasi/hukuman yang dikenakan bagi Klien yang melanggar syarat tersebut.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 10/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

2.2.2 Memberi taklimat perkhidmatan yang diberikan oleh Pegawai dari Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah.

2.2.3 Menjelaskan tanggungjawab Klien untuk mengikuti program rawatan dan pemulihan.

C. Pengendalian Pelepasan Klien Seksyen 12(1) Dan Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983.

1. Persediaan haruslah dilaksanakan dengan baik serta mengikut prosedur yang ditetapkan sebelum Klien dilepaskan.
2. Semua dokumen pelepasan yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah hendaklah disemak dan direkod oleh Pegawai Pemulihan Klien berkenaan.
3. Pegawai Pemulihan Klien hendaklah memastikan sesalinan dokumen berikut diserahkan kepada Agensi Antidadah Kebangsaan Daerah dan Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri:
 - 3.1 Borang 3 (Perintah Menjalani Rawatan dan Pemulihan Di Pusat Pemulihan Dan Menjalani Pengawasan) (AADK/D18/BR/01);
 - 3.2 Borang 8 (Pemberitahuan Kepada Penagih Dadah Yang Dengan Sukarela Menjalani Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan dan Pengawasan) (AADK/D01/BR/04);

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 11/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

- 3.3 Borang 12 (Pemberitahuan Kepada Penagih Dadah Belum Dewasa Yang Secara Sukarela Menjalani Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan dan Pengawasan (AADK/D01/BR/07);
- 3.4 Borang 15 (Perintah Penyingkatan Tempoh Kediaman di Pusat Pemulihan) (AADK/D18/BR/02);
- 3.5 Borang 16 (Pelepasan dari Pusat Pemulihan seseorang yang belum genap tempoh kediaman selama 12 bulan) (AADK/D18/BR/03);
- 3.6 Surat Makluman Pelepasan Klien (AADK/D18/SR/01);
- 3.7 Borang Penilaian Prestasi Klien (Janaan Sistem Maklumat AADK) (AADK/D01/BR/20); dan
- 3.8 Maklumat status kesihatan (contoh: HIV, TIBI, Hepatitis dan lain-lain penyakit berjangkit/kronik) (Sekiranya berkaitan).

4. Pegawai Pemulihan hendaklah memaklumkan kepada keluarga/waris mengenai pelepasan Klien.
5. Pegawai Pemulihan hendaklah menyerahkan dokumen yang telah lengkap untuk pelepasan Klien kepada Pegawai dari Unit Hal Ehwal Klien.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 12/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

D. Pengendalian Semasa Hari Pelepasan Klien Seksyen 12(1) Dan Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983

1. Barang-barang milik peribadi Klien yang disimpan di Pusat Pemulihan hendaklah diuruskan mengikut tatacara penyerahan dokumen dan barang milik peribadi Klien semasa pelepasan mengikut **Perintah Tetap Ketua Pengarah Bab D03/2023 (Pengendalian Barang Milik Peribadi Klien)**.
2. Klien yang mempunyai wang sendiri sama ada melalui wang kiriman, wang hasil daripada kerja-kerja yang dilaksanakan semasa mengikuti program rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan serta dokumen dan barang milik peribadi Klien mestilah sama sebagaimana yang tercatat dalam **Buku Rekod Dokumen dan Barang Peribadi Milik Klien (AADK/D03/BK/01)** untuk diserahkan kepada Klien.
3. Ketua Unit Hal Ehwat Klien hendaklah menguruskan penyediaan pengangkutan Klien ke stesen kenderaan awam yang paling hampir sekiranya yang tidak dijemput oleh keluarga atau penjaga.
4. Ketua Unit Hal Ehwat Klien hendaklah memastikan **Memo Makluman Pelepasan Klien (AADK/D18/SR/02)** disediakan untuk edaran kepada semua Ketua Unit.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 13/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

E. Pelepasan Klien Genap Dua Puluh Empat (24) Bulan (Dua Tahun)

1. Persediaan haruslah diambil tindakan pada kadar segera selepas mendapat makluman bahawa proses pelepasan Klien tidak dapat diselesaikan dalam tempoh kurang daripada dua puluh empat (24) bulan (2 tahun) seperti ketetapan Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983.
2. Ketua Unit Pemulihan menyediakan senarai Klien yang telah dikenalpasti dan diserahkan kepada Ketua Institusi untuk semakan.
3. Ketua Institusi akan menyemak dan meneliti senarai tersebut sebelum dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelepasan Klien. Ketua Institusi hendaklah memastikan Ketua Unit Pemulihan mengambil langkah-langkah seperti berikut:
 - 3.1 Menyediakan Borang Penilaian Prestasi Klien (AADK/D01/BR/20);
 - 3.2 Menyediakan Surat Pengesahan Tamat Perintah Menjalani Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan (AADK/D18/SR/03);
 - 3.3 Menandatangani Surat Pengesahan tersebut yang kemudiannya segera dimasukkan ke dalam Fail Klien (AADK/D01/FL/01) dan diminitkan;

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 14/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

3.4 Menghantar salinan **Surat Pengesahan Tamat Perintah Menjalani Rawatan Dan Pemulihan di Pusat Pemulihan (AADK/D18/SR/03)** dan **Borang 3 (AADK/D18/BR/01)/ Borang 8 (AADK/D01/BR/04)/Borang 12 (AADK/D01/BR/07)** Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 untuk makluman dan tindakan seliaan kepada senarai berikut dalam tempoh tiga (3) hari dari tarikh surat yang ditandatangani oleh Ketua Institusi:

- 3.4.1 Pengarah Rawatan, Perubatan dan Pemulihan;
- 3.4.2 Pengarah Penguatkuasaan dan Keselamatan;
- 3.4.3 Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan Negeri;
- 3.4.4 Balai Polis Daerah seperti dalam Borang 3/Borang 8.

4. Pegawai Permulihan hendaklah memuat naik **Surat Pengesahan Tamat Perintah Menjalani Rawatan Dan Pemulihan di Pusat Pemulihan (AADK/D18/SR/03)** dan **Borang 3 (AADK/D18/BR/01)/ Borang 8 (AADK/D01/BR/04)/Borang 12 (AADK/D01/BR/07)** Akta Penagih Dadah (Rawatan Dan Pemulihan) 1983 di Sistem Maklumat AADK sebagai bukti pelepasan.

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 15/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

7. TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Ketua Institusi
- 7.2 Penolong Pengarah
- 7.3 Ketua Unit Hal Ehwal Klien
- 7.4 Ketua Unit Pemulihan
- 7.5 Ketua Unit Agama
- 7.6 Ketua Penyelia Asrama
- 7.7 Ketua Unit Keselamatan
- 7.8 Pegawai Unit Perubata /Pembantu Perubatan

8. KUASA PERUNDANGAN

- 8.1 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- 8.2 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004
- 8.3 Kaedah-kaedah Pusat Pemulihan Dadah 1983
- 8.4 Keizinan Bertulis Menteri Dalam Negeri Di Bawah Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, bertarikh 5 Januari 2000
- 8.5 Keizinan Bertulis Menteri Dalam Negeri Di Bawah Seksyen 12(2) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983, bertarikh 16 Ogos 2016

TERHAD

PERINTAH TETAP : D18/2023	M / S : 16/16
TAJUK : PENGENDALIAN PELEPASAN KLIEN	TARIKH : 23 OGOS 2023

9. LAMPIRAN

- 9.1 Borang 3 (Perintah Menjalani Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan dan Menjalani Pengawasan) (AADK/D18/BR/01)
- 9.2 Borang 15 (Perintah Penyingkatan Tempoh Kediaman di Pusat Pemulihan) (AADK/D18/BR/02)
- 9.3 Borang 16 (Pelepasan Dari Pusat Pemulihan Seseorang Yang Belum Genap Tempoh Kediaman Selama Dua Belas Bulan (AADK/D18/BR/03)
- 9.4 Surat Makluman Pelepasan Klien (AADK/D18/SR/01)
- 9.5 Memo Makluman Pelepasan Klien (AADK/D18/SR/02)
- 9.6 Surat Pengesahan Tamat Perintah Menjalani Rawatan dan Pemulihan di Pusat Pemulihan (AADK/D18/SR/03)

10. DIKUATKUASAKAN

Perintah Tetap ini berkuat kuasa serta-merta.



(SUTEKNO AHMAD BELON)
KETUA PENGARAH
AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tarikh: 23 OGOS 2023

BORANG 3

AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983
(Perenggan 6(1)(a) dan Subseksyen 6 (2))

**PERINTAH MENJALANI RAWATAN DAN PEMULIHAN
DI PUSAT PEMULIHAN DAN MENJALANI MENGAWASAN**

Bahawasanya
No. Kad Pengenalan berumur tahun yang beralamat di
(kemudian daripada ini disebut "orang tersebut"), diperakui oleh
....., seorang *pegawai perubatan kerajaan/pengamal perubatan berdaftar sebagai seorang penagih dadah mengikut pengertian Akta:

Dan bahawasanya asas syor Pegawai Pemulihan, dan setelah memberi orang tersebut peluang untuk membuat representasi, saya,, seorang Majistret di memerintahkan supaya orang tersebut –

- (a) menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan
..... selama tempoh dua tahun; dan
- (b) selepas itu menjalani pengawasan oleh Pegawai selama tempoh dua tahun di bawah syarat-syarat yang berikut:
- (i) orang tersebut hendaklah tinggal di kawasan
 - (ii) orang tersebut hendaklah sentiasa memberitahu pegawai tempat kediamannya dan tidak boleh menukar tempat kediamannya atau meninggalkan kawasan tempat kediamannya tanpa kebenaran bertulis Ketua Pengarah;
 - (iii) orang tersebut hendaklah melaporkan diri di
(sebagaimana yang ditetapkan oleh Majistret) tidak lewat dari 72 jam setelah dilepaskan dari Pusat Pemulihan dan pada hari bulan tiap-tiap bulan kalendar antara 6.00 pagi dan 6.00 petang;
 - (iv) orang tersebut tidak boleh mengambil, menggunakan atau memiliki apa-apa dadah berbahaya;
 - (v) orang tersebut hendaklah menjalani apa-apa ujian pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang diperintahkan oleh pegawai; dan
 - (vi) orang tersebut hendaklah menjalani apa-apa program bagi pemulihan penagih dadah yang diadakan oleh Kerajaan.

Diberi di bawah tandatangan saya dan meterai Mahkamah di
pada

.....
(Majistret)

BORANG 15

**AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983
(Subseksyen 12(1))
PERINTAH PENYINGKATAN TEMPOH KEDIAMAN
DI PUSAT PEMULIHAN**

Kepada,
Komandan,
Pusat Pemulihan,
.....

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 12(2) Akta, saya dengan ini menyingkatkan tempoh kediaman *Kad Pengenalan No./Sijil Kelahiran no. berumur tahun yang beralamat di yang sedang menjalani rawatan dan pemulihan di Pusat Pemulihan (tarikh asal) kepada dari hingga (tarikh baru).

Sila tuan menerima untuk dimasukkan ke *Pusat Pemulihan/hospital tuan untuk menjalani penyahtoksikan selama tempoh ** hari sebelum dia diletakkan di bawah pengawasan Pegawai Pemulihan.

Bertarikh

.....
Ketua Pengarah

BORANG 16

**AKTA PENAGIH DADAH (RAWATAN DAN PEMULIHAN) 1983
(Subseksyen 12(2))
PELEPASAN DARI PUSAT PEMULIHAN SESEORANG YANG BELUM
GENAP TEMPOH KEDIAMAN SELAMA DUA BELAS BULAN**

Kepada,

Komandan,

Pusat Pemulihan,

.....

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 12(2) Akta, saya, dengan keizinan bertulis Menteri, melepaskan *Kad Pengenalan No./Sijil Kelahiran No berumur Tahun yang beralamat di dari Pusat Pemulihan pada

Bertarikh

.....

Ketua Pengarah

Pusat Pemulihan
.....
.....

Ruj :
Tarikh :

Ketua Pegawai AADK Daerah / Negeri
.....
.....

Tuan,

MAKLUMAN PELEPASAN KLIEN

Sukacita saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Dimaklumkan bahawaNo. kad pengenalan telah dibebaskan dari pusat pemulihan ini pada

3. Bersama-sama ini disertakan dokumen seperti berikut untuk makluman dan tindakan tuan selanjutnya :

- 3.1 Borang 3 (Perintah menjalani rawatan dan pemulihan)
- 3.2 Borang 8 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- 3.3 Borang 12 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983
- 3.4 Borang 15 (Perintah Penyingkatan Tempoh Kediaman di Pusat Pemulihan)
- 3.5 Borang 16 (Pelepasan dari Pusat Pemulihan seseorang yang belum genap tempoh kediaman selama 12 bulan)
- 3.6 Maklumat status kesihatan
- 3.7 Borang Penilaian Prestasi Klien

Sekian, untuk makluman dan terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(.....)

Ketua Institusi

Pusat Pemulihan :

Pusat Pemulihan
.....
.....

Ketua Pegawai AADK Daerah
.....
.....

Tuan,

**PENGESAHAN TAMAT PERINTAH MENJALANI RAWATAN DAN PEMULIHAN
DI PUSAT PEMULIHAN.....**

Merujuk kepada perkara seperti di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa N/B/..... Nama Klien No. Kad Pengenalan telah menamatkan program rawatan dan pemulihan seperti yang terkandung di dalam Seksyen 6(1)(a) / Seksyen 8(3)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 genap 2 (dua) tahun mulai hingga mengikut perintah mahkamah / keputusan pegawai pemulihan.

3. Selepas tamat menjalani program rawatan dan pemulihan di institusi, penama hendaklah meneruskan perintah pengawasan seperti yang terkandung di dalam *Subseksyen 6(2) / Seksyen 8(3)(a) Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 iaitu bagi tempoh dua (2) tahun mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.

4. Bersama-sama ini dilampirkan sesalinan *Borang 3 / Borang 8 / Borang 12 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 untuk rujukan dan tindakan tuan.

Sekian.

.....
Tandatangan
(Ketua Institusi)

(*potong mana yang tidak berkenaan)